

## PERALIHAN KUASA DI MALAYSIA



Saifuddin (tiga dari kanan) bergambar bersama warga KPDNHEP sebaik selesai Majlis Apresiasi di Putrajaya semalam. Gambar kecil: Muhyiddin

### PM berdepan cabaran bentuk Kabinet baru, kata Saifuddin

**PUTRAJAYA** - Tindakan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menunda tarikh persidangan Dewan Rakyat jelas menggambarkan beliau berdepan cabaran untuk membentuk Kabinet baru.

Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ia dapat dilihat apabila Perdana Menteri kelapan itu melewatkannya tarikh persidangan melebihi dua bulan daripada tarikh sepatutnya berlangsung pada Isnin ini.

Beliau percaya Ahli Parlimen Pagoh itu berbuat demikian kerana sukar untuk mewujudkan jemaah Kabinet yang seimbang memandangkan Perikatan Nasional kini didominasi kaum Melayu.

“Ia gambaran bagaimana sukarnya untuk beliau (Muhyiddin) menjalankan proses mengimbangi dan menguruskan puak (kaum) yang pelbagai.

“Apatah lagi rakyat Malaysia ternantant-nanti sebuah kerajaan yang diwakili bukan Melayu sangat kecil. Blok terbesar adalah UMNO dengan 39 kerusi, Pas (18) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) mendakwa ada 30 kerusi.

“Keadaan itu mengingatkan kembali-

li kepada rakyat apakah Muhyiddin akan menjadi Perdana Menteri kepada kaum Melayu sahaja atau untuk rakyat berbilang kaum,” katanya pada sidang akbar selepas menghadiri Majlis Apresiasi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini semalam.

Saifuddin berkata, Muhyiddin juga terpaksa berdepan cabaran menangkis persepsi yang mengatakan beliau ialah pengkhianat.

“Beliau masih belum dapat lari daripada stigma itu dan saya faham kesuaran yang dialaminya sekarang.

“Jadi saya ingat itu proses yang Muhyiddin harus lalui,” katanya.

Saifuddin turut mendedahkan PH kekal dengan pendirian membawa usul undi tidak percaya terhadap Muhyiddin pada sesi Dewan Rakyat akan datang.

Terdahulu, Dewan Rakyat yang dijadualkan bersidang pada 9 Mac ditunda ke 18 Mei depan.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof berkata, perkara itu diputuskan oleh kerajaan melalui surat pemakluman daripada Muhyiddin sebagai Ketua Majlis.